

Kenyataan Sebutharga Bil. 22/2025

Tarikh Iklan : 4 Julai 2025 (Jumaat)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)/ Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang **yang beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja** yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP
2025/B106	Kerja-Kerja Menyelenggara Sistem Pam Air Dan Peralatan Yang Berkaitan Di Bangunan-Bangunan Milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan CIDB Gred G2 Kategori ME Pengkhususan M22 (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja)	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 11 Julai 2025 (Jumaat) <u>9.30 Pagi – 10.30 Pagi</u> Bilik Gerakan, Tingkat 3, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 30 Julai 2025 (Rabu)
2025/B107	Membekal Peralatan Jentera Kecil Dan Mesin Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 020301 Atau 020302	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 4 Julai 2025 (Jumaat) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 14 Julai 2025 (Isnin)

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang **eperolehan.dbkl.gov.my**. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi **eperolehan.dbkl.gov.my**
3. Dokumen Sebutharga **2025/B106** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.
4. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2025/B106** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat** dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut:-
 - i. Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB
 - iii. Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

- iv. **Cop Syarikat (Rubber Stamp)**
- v. **Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil**

5. Petender yang **GAGAL mengemukakan perkara-perkara di atas** tidak dibenarkan untuk mengikuti sesi taklimat. Sesi pendaftaran petender akan diadakan **selama (1) satu jam**.
6. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.
7. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
8. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
9. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 4 Julai 2025 (Jumaat)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my